

14/11/2000

Israel terus `besar kepala' kalau negara Arab tidak bersatu

NEGARA Israel yang terbentuk secara rasmi pada 14 Mei 1948 sudah berusia 52 tahun. Selama tempoh itu jugalah, penduduk Israel yang asalnya berpindah-randah, bermaharajalela dengan melakukan pelbagai keganasan dan kekejaman. Berbekalkan sokongan kuat dunia Barat, khususnya Amerika Syarikat, semakin hari Israel semakin angkuh dan zalim dengan merampas tanah penduduk Palestin serta membunuh sesiapa saja yang cuba menghalang, seolah-olah nyawa mereka langsung tidak bernilai. Hanya kerana sebab yang kecil, rejim Israel tidak akan berlembah untuk bertindak balas yang lazimnya berakhir dengan angka korban yang besar rakyat Palestin.

Bezanya, ketika kuasa besar dunia berdiri teguh mempertahankan Israel atas apa pun alasan yang lebih bermirip kepada keganasan dan penindasan, negara Arab pula tidak pernah bersatu untuk membela nasib jiran mereka. Pelbagai persidangan dilangsungkan tetapi dengan pemimpin Arab yang cukup terkenal dengan sekadar mahu `meletakkan dakwat di atas kertas', hakikatnya bumi Palestin terus dibasahi darah tanpa sebarang pembelaan sewajarnya. Selepas 52 tahun berlalu, berapa lamakah lagi yang diperlukan untuk rakyat Palestin mendapatkan hak terhadap sebuah negara yang mereka banggakan? Ketika ini, tiada siapa yang dapat memberikan jawapan tepat.

Paling menyedihkan - sebagaimana disuarakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang kemuncak kesembilan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Doha kelmarin - ialah negara Islam yang mewakili lebih satu pertiga keanggotaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tidak berdaya memberi bantuan. Tepat seperti dirumuskan Perdana Menteri, keangkuhan Israel menyerang dan membunuh rakyat Palestin tanpa dikenakan hukuman, adalah juga serangan terhadap maruah dan kehormatan umat Islam keseluruhannya. Negara Islam yang menguasai kebanyakan sumber asli dunia, terutama negara Arab dengan kekayaan hasil minyaknya, sebaliknya terus terperangkap dalam perbalahan sesama sendiri.

Tiada cara lebih baik untuk memperjuangkan isu Palestin kecuali negara Islam sendiri bersatu padu. Hanya dengan perpaduan juga, negara Arab tidak akan selamanya terpaksa tunduk kepada kuasa besar dunia, terutama Amerika, yang sekian lama menjadi perisai kepada kekejaman Israel. Sesuai dengan semangat persaudaraan Islam yang menuntut agar yang lemah dibela, adalah menjadi kewajipan negara Islam untuk memastikan hak Palestin dikembalikan. Kita harapkan sidang kemuncak OIC kali ini akan dapat merumuskan langkah serta pelan tindakan agar keganasan Israel di bumi Palestin dapat dihentikan.

(END)